

12/05/2004

Batal gabung Jaring-TMNet mantapkan Internet negara

By Khairul Anuar Abdul Samad

PENGGUNA Internet negara dijangka akan menikmati perkhidmatan Internet lebih mantap serta jitu, khususnya jalur lebar, selepas kerajaan membatalkan niat untuk menggabungkan Jaring dan TMNet dalam usaha mewujudkan persekitaran persaingan sihat untuk industri Internet negara.

Pembatalan penggabungan itu bakal menyaksikan kedua-dua gergasi tempatan dalam industri Internet negara itu bakal memperkenalkan banyak perkhidmatan berasaskan Internet lebih hebat sekali gus memanfaatkan pengguna serta negara.

Pembatalan diumumkan oleh Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, hanya berasaskan kepada usaha untuk mewujudkan suasana persaingan dalam industri berkenaan yang sekali gus melenyapkan wujudnya konsep monopoli.

"Jaring dan TMNet perlu ada persaingan dan berdasarkan kepada perkembangan ini, kementerian mengambil keputusan untuk membatalkan usaha penggabungan itu.

"Kementerian tidak menggalakkan penggabungan itu memandangkan kalau kedua-dua syarikat bergabung, ia tidak akan mewujudkan satu persekitaran persaingan sihat dalam industri itu. Persaingan perlu ada, bukannya monopoli," katanya dalam sidang media selepas menyaksikan pertunjukan keupayaan sistem rangkaian 3G Huawei Technologies (Malaysia) Sdn Bhd, di Kuala Lumpur, Jumaat lalu.

Pengumuman ini juga memberi sinar dan pengharapan baru kepada lebih 100 kakitangan Jaring termasuk ketua pegawai eksekutifnya, Dr Mohamed Awang Lah serta kira-kira 700,000 pelanggan Jaring yang selama ini berada dalam keadaan 'gantung tidak bertali'.

Usaha untuk menggabungkan penyedia perkhidmatan Internet (ISP) utama dan kedua negara itu diumumkan dalam Bajet 2004 September lalu oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang bertujuan untuk mewujudkan perkhidmatan Internet lebih mantap di negara ini.

Pengumuman Dr Mahathir itu bukan saja memeranjatkan pengguna, malah industri yang banyak menyatakan penggabungan itu akan mewujudkan satu monopoli yang dilihat tidak sihat untuk industri serta komuniti Internet negara.

Usaha untuk memiliki Jaring yang ketika itu dikendalikan oleh Mimos Berhad diumumkan oleh TMNet pada 2001 dibatalkan.

Pembatalan penggabungan Jaring-TMNet disambut baik oleh Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) yang menganggap usaha itu berupaya mewujudkan satu perkhidmatan Internet lebih baik kepada pengguna.

Timbalan pengerusinya, Lee Boon Kok berkata, selain pengguna boleh mendapat pilihan Internet yang lebih baik dan dalam jangka masa panjang ia berupaya memastikan industri Internet negara sentiasa berkembang serta sihat.

Malahan katanya, Pikom berasaskan lesen ISP harus dibuka kepada lebih banyak syarikat bagi mengembangkan perkhidmatan itu memandangkan tahap persaingan sedia ada pada masa kini adalah lebih rendah sekiranya dibandingkan dengan negara maju lain yang membenarkan seberapa banyak ISP kerana pasaran akan menyokong mereka.

"Sejajar dengan perkembangan ini, Pikom juga melahirkan kekhawatiran terhadap mutu perkhidmatan jalur lebar yang dilihat sebagai dimonopoli oleh TMNet.

"Berdasarkan senario ini, kementerian disaran mengeluarkan lesen baru selain menyediakan insentif untuk pemain baru khususnya yang memanfaatkan teknologi wayarles dalam usaha memperkenalkan persaingan sihat yang dilihat amat diperlukan dalam perkhidmatan jalur lebar," katanya.

Beliau berkata, kekurangan kemudahan dan mutu perkhidmatan jalur lebar di negara ini akan menggagalkan usaha penggunaan serta pembangunan terhadap aplikasi baru seperti perkhidmatan dan permainan interaktif secara online.

"Apa yang pasti sekiranya semua perkhidmatan ini berada dalam situasi suram, ia juga turut memperlahankan penerimaan terhadap aplikasi e-niaga dan e-dagang," katanya.

(END)